



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR (PETRA)

ASEAN DAN RAKAN DIALOG PERKUKUH KERJASAMA SERANTAU DAN PERALIHAN TENAGA BERSIH DI 19th EAS EMM DAN 22nd AMEM+3 DI KUALA LUMPUR

Kuala Lumpur, 17 Oktober 2025 — Susulan kejayaan Mesyuarat Menteri-Menteri Tenaga ASEAN ke-43 (*ASEAN Ministers on Energy Meetings* - AMEM, Malaysia hari ini telah mempengerusikan dua mesyuarat tenaga serantau di peringkat tertinggi di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC). Mesyuarat-mesyuarat tersebut adalah seperti berikut:

- Mesyuarat Menteri-Menteri Tenaga bagi Sidang Kemuncak Asia Timur ke-19 (19th East Asia Summit Energy Ministers' Meeting - EAS EMM); dan
- Mesyuarat Menteri-Menteri Tenaga ASEAN+3 ke-22 (22nd ASEAN+3 Ministers on Energy Meeting - AMEM+3).

Kedua-dua mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh YAB Datuk Amar Hj. Fadillah bin Hj. Yusof, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA). Melalui mesyuarat-mesyuarat ini, Malaysia berjaya memimpin rantau ini dalam memacu masa depan tenaga ASEAN yang lebih bersepadu dan berdaya tahan ke arah peralihan tenaga bersih.

Mesyuarat EAS EMM ke-19 telah menghimpunkan Menteri-Menteri Tenaga daripada lapan negara Sidang Kemuncak Asia Timur iaitu Australia, China, Jepun, Republik Korea, New Zealand, Persekutuan Rusia dan Amerika Syarikat, membincangkan hala tuju dan dasar tenaga serantau bersama negara-negara Anggota ASEAN dan Timor-Leste. Perbincangan memberi tumpuan kepada usaha memperkukuh kerjasama dan daya tahan tenaga serantau, dengan bertukar-tukar pandangan mengenai bentuk kerjasama yang

praktikal, hala tuju peralihan tenaga, serta pelaburan rentas sempadan dalam pembangunan tenaga bersih.

Mesyuarat turut mengalu-alukan pelancaran Pelan Tindakan bagi Kerjasama Tenaga ASEAN (ASEAN Plan of Action for Energy Cooperation - APAEC) 2026–2030, yang menekankan usaha bersama untuk mempercepatkan agenda dekarbonisasi, pendigitalan dan kepelbagaian dalam rantau EAS. Para Menteri turut merakamkan penghargaan kepada Pasukan Petugas Kerjasama Tenaga Sidang Kemuncak Asia Timur (*East Asia Summit Energy Cooperation Task Force* - EAS ECTF) atas kemajuan dalam projek-projek pertukaran teknologi tenaga bersih, bahan api rendah karbon, serta kajian sambungan grid, yang mencerminkan visi bersama ke arah landskap tenaga Asia Timur yang lebih selamat dan mampan.

Bagi AMEM+3 ke-22, para Menteri ASEAN bersama China, Jepun dan Republik Korea telah memperakukan Rancangan Kerja Kumpulan Dasar Tenaga (*Energy Policy Governing Group Work Programme*) SOME+3 2025–2026, yang meliputi empat bidang kerjasama utama iaitu:

- Keselamatan Tenaga (*Energy Security*);
- Dialog Pasaran Minyak & Gas (*Oil & Gas Market Dialogue*);
- Tenaga Boleh Baharu dan Kecekapan Tenaga (*Renewable Energy and Energy Efficiency*); dan
- Dialog Meja Bulat Tenaga Bersih (*Clean Energy Roundtable Dialogue*).

Sesi ini turut menekankan kepentingan kerjasama berasaskan inovasi dan mekanisme pelaburan bagi mempercepatkan pembangunan tenaga boleh baharu serta memperkukuh daya tahan tenaga serantau.

Malaysia melalui PETRA menegaskan bahawa kerjasama serantau perlu dipertingkatkan lagi, daripada dialog di peringkat dasar kepada tindakan pelaksanaan, bagi membolehkan ASEAN memperluas sambungan grid serantau dan mencapai sasaran sifar bersih secara kolektif. Hasil kedua-dua mesyuarat ini sekali lagi menunjukkan peranan penting Malaysia sebagai penghubung di antara ASEAN dan rakan Asia Timur dalam mengoperasikan Inisiatif Pembiayaan Grid Tenaga ASEAN (*ASEAN Power Grid Financing Initiative* - APGF) yang telah dilancarkan semasa AMEM-43 pada 16 Oktober 2025.

Mesyuarat-mesyuarat ini menjadi kemuncak kepada siri dialog strategik antara ASEAN dan rakan dialog di bawah tema “*Powering ASEAN: Bridging*

Boundaries, Building Prosperity”, sekali gus menggambarkan tekad rantau ini untuk memperkukuh keselamatan dan keterjaminan bekalan, mampu bayar oleh pengguna tenaga dan memastikan kemampanan serta memelihara kelestarian persekitaran yang menjadi tonggak utama bagi masa depan ASEAN. Ini adalah selaras dengan prinsip Malaysia MADANI, yang menekankan inovasi dan kelestarian alam sekitar.

KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR

17 OKTOBER 2025

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)

Tel.: 03-8000 8000 | E-Mel: ukk@petra.gov.my



**MALAYSIA
MADANI**

PETRA

PETRAMALAYSIA

